



Ungkit bantuan masa lalu

Keluarga bekas teman tak puas hati

Soalan
SAYA kini berada dalam tekanan apabila keluarga bekas teman lelaki mula mengungkit bantuan yang diberikan ketika saya berkawan dengan anaknya. Saya akui, mereka banyak membantu saya dalam pelajaran dan kewangan.

Untuk pengetahuan kami berpisah kerana teman lelaki melakukan perkara yang tidak sopan terhadap adik saya dan pelbagai perkara tidak elok. Sikap bekas teman lelaki yang pandai menutup kesalahan membuatkan saya merasa kecewa.

Dulu saya bertahan kerana hanya ingin menjaga hati ibu bapanya, tapi bila saya mula bekerja, pelbagai masalah timbul. Perasaan cemburu yang keterlaluan dan kata-kata kesat sentiasa saya dengar dari mulut bekas teman lelaki hingga saya langsung tidak menghubunginya.

Bekas teman lelaki tidak

ambil peduli mengenai perkara ini hinggalah kami putus secara rasmi tanpa pengetahuan keluarganya. Tapi akhirnya saya bertemu keluarganya dan memohon maaf.

Saya berkahwin dengan orang lain namun kini ayah bekas teman lelaki saya mula mempercakapkan hal yang mereka lakukan hingga ingin bertemu dengan saya semula. Mereka mengungkit mengenai hal empat tahun lalu.

Hal ini tidak diketahui suami manakala saya juga takut untuk bertemu kerana ayah bekas teman lelaki pakar dalam hal santau. Saya juga rasa kemungkinan terkena santau pada masa ini.

Terima kasih kerana sudi membantu.

SERBA SALAH, Pulau Pinang

Jawapan
ADIK sudah bersuami dan keutamaan seorang isteri

adalah pada rumah tangga dan keluarga. Perkara yang lepas walaupun penting tapi jika dijadikan sebagai penghalang kebahagiaan masa sekarang hanya akan membawa lebih banyak derita. Apatah lagi apabila perkara yang lepas berhubung kait dengan percintaan bekas kekasih.

Merasa empati dengan perasaan kecewa keluarga bekas teman lelaki boleh membuatkan adik faham mengapa mereka mengungkit segala bantuan yang diberikan. Apabila adik memahami segala kekecewaan dan ungkitan itu, adik lebih mudah untuk menerima tindakan mereka. Bagaimanapun, ini tidak bermakna adik bersetuju dengan tindakan dan permintaan mereka seperti mahu berjumpa dengan adik. Ini kerana sekiranya adik berhubung kembali dengan keluarga bekas keluarga

ia boleh mendatangkan perasaan curiga suami jika dapat tahu mengenainya.

Adik juga boleh memberitahu suami apa yang sebenarnya berlaku supaya dia tidak mempunyai prasangka lain sekiranya keluarga bekas teman lelaki datang berjumpa adik nanti. Seterusnya, Dr memahami perasaan takut adik untuk bertemu ayah bekas teman lelaki.

Walaupun bersifat buruk sangka adalah satu perbuatan yang hanya akan membawa kepada pemikiran negatif dan kalah diri, jika adik ragu-ragu dan takut banyak perkara buruk akan berlaku jika bertemu dengan ayah bekas kekasih, lebih baik adik mengambil langkah berhati-hati dengan tidak menghubunginya. Dengan cara ini, adik akan lebih merasa selamat dan pada waktu sama dapat menjaga keharmonian rumah tangga.

Laku zina pikat teman lelaki

Soalan
KERANA kasih dan cinta kepada teman lelaki membuatkan saya sanggup melakukan apa saja untuknya. Dia saya anggap serba lengkap dan menjadi idaman, saya tidak mahu kehilangannya.

Saya mahu sentiasa di sisinya dan kerana sayang, kami banyak kali terlanjur biarpun saya kadangkala keberatan mahu melakukannya manakala dia juga tidak memaksa.

Setiap kali melakukannya saya menyesal, tapi tidak pernah serik untuk melakukan lagi. Bukan ketagih tapi saya ingin menarik teman lelaki ke dalam pangkuan sentiasa, seolah-olah untuk menyimpannya buat selamanya.

Saya yakin boleh hidup bahagia bersama untuk

selamanya tapi tidak tahu apa yang harus dilakukan. Kalau boleh, saya ingin mengelak daripada melakukan perbuatan haram itu.

Dr adakah tindakan saya ini betul? Bagaimana caranya kerana dia adalah kehidupan saya?

MAWAR PUDAR, Perlis.

Jawapan
BARAT butanya cinta itu sehingga ia boleh mengubah pondok kayu menjadi istana emas berkilauan. Cinta buta juga sering kali mempengaruhi fikiran hingga kadangkala kita melakukan hal bodoh tanpa disedari.

Seperti mana adik, hebatnya cinta sehingga manusia sanggup berbuat apa saja. Namun, betapa hebat pun perasaan cinta dan kasih

kita kepada insan, ia perlu didasari oleh akal fikiran dan batas-batas agama.

Cinta bukanlah kata murah dan lumrah dituturkan dari mulut ke mulut tapi cinta adalah anugerah Tuhan yang indah dan suci jika manusia dapat menilai kesuciannya.

Cinta membuatkan adik terlena dibuai emosi. Ia juga diikuti dorongan keseronokan yang diterjemahkan dalam bentuk melakukan hubungan seks. Mengadakan hubungan terlarang sebagai satu kaedah mengikat kekasih dan 'menyimpannya' boleh memerangkap diri sendiri.

Ia hanya akan menjadikan perhubungan adik berdua sebagai perhubungan yang tidak ikhlas serta penuh dengan noda dan dosa. Bersyarat

dalam keadaan yang tidak halal.

Adik tidak perlu menyerahkan diri untuk membuktikan kasih sayang kepada teman lelaki. Hubungan cinta kalian yang harmonis dibina atas rasa kepercayaan dan saling memberi dan menerima.

Jika cinta benar-benar wujud dan kasih sayang ingin kekal dalam keadaan yang tidak bernoda, ia boleh diteruskan melalui alam perkahwinan. Ikat perkahwinan ini boleh menghilangkan perasaan menyesal (selepas melakukan hubungan seks) dan pada waktu sama mempunyai hak ke atas suami. Adik dan teman lelaki tidak berterusan melakukan hubungan zina dengan berkahwin.

Pelajar tertekan mahu bunuh diri

SAYA anak sulung dan menjadi harapan mak, abah, adik-adik, jiran, dan semua cikgu. Atas harapan itu, saya memang tidak boleh menghampakan mereka namun sejak akhir-akhir ini, keputusan peperiksaan saya selalu merosot.

Saya selalu belajar hingga lewat malam, kurang mengikut program, namun keputusan peperiksaan tetap tidak berubah.

Saya mempunyai sepuluh adik-beradik dan perlu menjadi contoh kepada mereka. Keluarga saya miskin dan serba kekurangan. Kami tidak dapat mengecapi kesenangan seperti orang lain.

Hingga kini saya rasa tertekan dengan hidup. Tiada tempat yang boleh saya mengadu apatah lagi kepada emak dan abah.

Saya rasa seperti sudah berputus asa. Kadangkala, saya rasa seperti hendak membunuh diri walaupun tiada jalan penyelesaiannya. Dr, mengapa saya selalu menerima nasib tidak baik. Orang kata, kalau kita berusaha selalu diberi ganjaran setimpal dari Allah tetapi tidak saya.

Sekarang ini hidup saya terumbang-ambing di asrama. Sudah beberapa hari saya tidak berselera untuk makan kerana memikirkan pelbagai perkara termasuk nasib keluarga dan pelajaran. Kawan saya yang seusia selalu mendapat keputusan yang baik walaupun belajar di saat-saat akhir.

Saya merasakan dunia ini tidak adil. Kenapa segala kegagalan diberikan kepada saya? Saya takut apa yang terjadi lepas ini mengecewakan saya dan semua orang di sekeliling. Takut dan sedih untuk saya memikirkannya.

Insan kecewa, Perak

Jawapan:
TEKANAN itu ujian Allah seperti firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 155 yang bermaksud: "Allah menguji seseorang itu dengan perasaan takut, kelaparan, kekurangan harta, nyawa dan hasil mahsul yang tidak menjadi dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang bersabar".

Menurut Islam, tekanan bukan berpunca daripada tekanan mental semata-mata bahkan berpunca daripada kecelaruan dan kelemahan hati, roh, nafsu dan akal. Kelemahan hati menyebab-

kan rapuh hubungan individu dengan Allah menyebabkan kehidupannya menjadi sempit, seolah-olah tiada jalan keluar dari setiap inci masalah.

Hati yang baik mempunyai unsur sangat halus (latifah) ketuhanan (rabbaniah) dan kerohanian (ruhaniah). (<http://pmr.penerangan.gov.my/index>).

Ayat di atas menyatakan setiap masalah ada jalan penyelesaian dengan syarat tabah dan reda menghadapi segala ujian-Nya. Apabila adik tabah menghadapi dugaan hidup, hati pasti tenang dan perasaan ingin membunuh diri pun hilang.

Perasaan takut mengecewakan orang lain, susah hati, ketidakadilan hidup turut lenyap.

Realitinya, dalam hidup ini setiap individu tidak dapat lari atau dipisahkan daripada pelbagai ujian terutama mereka yang sentiasa mengejar kejayaan dan berusaha untuk mendapatkan kebahagiaan.

Adik juga tidak terkecuali daripada menerima dugaan hidup kerana keinginan untuk berjaya. Setiap orang ada ceritanya sendiri, masalah dan isu-isu tersendiri. Bak kata pepatah, dalam setiap kehidupan, ada dramanya sendiri.

Ahli falsafah Greek, Epicetus, menyatakan manusia diganggu, bukan disebabkan peristiwa, tetapi prinsip dan pemikiran yang dibentuk berdasarkan peristiwa itu.

Ramai orang berjaya dan terkenal tahu bukan saja untuk berhadapan dengan tekanan tapi berjaya mencipta kejayaan melalui kesukaran dialami.

Apa yang dilihat sebagai kesusahan kepada orang lain dilihat sebagai satu peluang melalui kecekapan orang yang berjaya. Mereka suka kepada cabaran yang dihadapi.

Adler, seorang ahli psikologi menyatakan susunan kelahiran memberi pengaruh dalam pembentukan individu.

Anak pertama dilihat sebagai bertingkah laku baik dan berdaya maju untuk mengambil tanggungjawab bila ibu bapa tiada. Sebab itu adik dilihat sebagai harapan kepada emak, abah, adik-adik, jiran dan semua cikgu.